

APLIKASI KAEDAH *TASARRUF AL-IMAM 'ALA AL-RA'IYYAH MANUTUN BI AL-MASLAHAH* DENGAN PENGURUSAN INSTITUSI BAITULMAL DALAM MENGURUSKAN HARTA TIDAK PATUH SYARIAH

APPLICATION OF THE METHOD OF TASARRUF AL-IMAM 'ALA AL-RA'IYYAH MANUTUN BI AL-MASLAHAH WITH BAITULMAL INSTITUTION MANAGEMENT IN MANAGING PROPERTY NOT COMPLIANT WITH SHARIAH

Nurul Athirah Mohd Azmi *
Musfirah Mohamed Mokhtar
Abdul Halim Abdul Karim
Saad Al-Moghazy Abdel Moaty
Mohd Zawavi Zainal Abidin

Fakulti Syariah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS)

* Corresponding author: nurulathirah@unipsas.edu.my

Article history

Received date : 28-11-2023
Revised date : 29-11-2023
Accepted date : 20-11-2023
Published date : 31-12-2023

To cite this document:

Mohd Azmi, N. A., Mohamed Mokhtar, M., Abdul Karim, A. H., Abdel Moaty, S. A. M., & Zainal Abidin, M. Z. (2023).. Aplikasi Kaedah Tasarruf Al-Imam 'Ala Al-Ra'iyah Manutun Bi Al-Maslahah dengan pengurusan Institusi Baitulmal dalam menguruskan harta tidak patuh syariah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (59), 361 – 371.

Abstrak: *Harta Tidak Patuh Syariah merujuk kepada apa-apa jenis harta yang diperolehi melalui cara yang bertentangan dengan syarak. Harta ini perlu disucikan oleh umat Islam kerana ia merupakan harta yang diperolehi dengan jalan batil. Hasil keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-87, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam pada 23-25 Jun 2009 mengatakan harta tersebut wajib disucikan mengikut beberapa kaedah dan kaedah pertama adalah dengan menyerahkannya kepada Institusi Baitulmal. Setakat ini, harta tidak patuh syariah ini diuruskan oleh Institusi Baitulmal. Walau bagaimanapun, pengurusan Institusi Baitulmal berkenaan harta tidak patuh syariah masih tidak mempunyai garis panduan yang lengkap dan menyeluruh. Sedangkan semua maklum perkara ini adalah dalam bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri dalam menguruskan harta tidak patuh syariah berdasarkan masalah ammah. Justeru, kajian ini ingin menganalisis salah satu cabang kaedah fiqh iaitu kaedah Tasarruf Al-Imam 'Ala Al-Ra'iyah Manutun Bi Al-Maslahah. Selain itu, kajian ini juga ingin mengkaji kepentingan kaedah ini dengan Institusi Baitulmal dalam menguruskan harta tidak patuh Syariah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mencapai objektif kajian dengan meneliti kaedah perpustakaan. Hasil pengumpulan data-data ini akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati kaedah Tasarruf Al-Imam 'Ala Al-Ra'iyah Manutun Bi Al-Maslahah yang disandarkan ini penting dengan Pengurusan Institusi Baitulmal dalam menguruskan harta tidak patuh syariah. Implikasi kajian boleh*

dijadikan rujukan kepada Institusi Baitulmal dalam menguruskan harta tidak patuh syariah agar ianya dapat ditadbir urus dengan lebih sistematik.

Kata Kunci: Pengurusan Harta Tidak Patuh Syariah, Institusi Baitulmal, Pemimpin, Penyucian.

Abstract: *The term "Non-Shariah Compliant Wealth" refers to any type of wealth acquired through means that are inconsistent with Islamic principles. This wealth needs to be purified by Muslims as it is considered wealth obtained unlawfully. According to the decision of the 87th Muzakarah (Conference) of the Fatwa Committee of the National Council for Islamic Affairs on June 23-25, 2009, it is stated that such wealth must be purified according to several principles, and the first principle is to surrender it to the Baitulmal Institution. So far, the management of this non-Shariah compliant wealth is overseen by the Baitulmal Institution. However, the management of the Baitulmal Institution regarding non-Shariah compliant wealth still lacks comprehensive and complete guidelines. Despite this, all matters related to the management of non-Shariah compliant wealth are within the jurisdiction of the State Islamic Religious Council based on the general welfare (masalah ammah). Therefore, this study aims to analyze one of the branches of fiqh (Islamic jurisprudence), namely the principle of Tasarruf Al-Imam 'Ala Al-Ra'iyah Manutun Bi Al-Maslahah. In addition, this study also seeks to examine the importance of this principle within the Baitulmal Institution in managing non-Shariah compliant wealth. This research uses a qualitative method to achieve the research objectives by examining library materials. The collected data will be analyzed using content analysis methods. The results of the study found that the principle of Tasarruf Al-Imam 'Ala Al-Ra'iyah Manutun Bi Al-Maslahah is crucial for the management of non-Shariah compliant wealth by the Baitulmal Institution. The implications of the study can serve as a reference for the Baitulmal Institution in managing non-Shariah compliant wealth to ensure more systematic administration.*

Keywords: *Non-Shariah Compliant Wealth Management, Baitulmal Institution, Leadership, Purification.*

Pendahuluan

Islam amat menekankan mengenai halal dan haram dalam kehidupan seharian. Ianya bukan sahaja merangkumi makanan yang halal daripada zatnya seperti pengharaman memakan daging khinzir dan meminum arak. Namun memakan makanan yang bersumberkan hasil perolehan aktiviti yang haram juga dilarang oleh Allah SWT. Hal ini boleh dilihat berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah dalam Sahih Muslim:

إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا، وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ
الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى: " يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا
صَالِحًا"، وَقَالَ تَعَالَى: " يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ"
ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ: يَا رَبِّ!

يَا رَبِّ! وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ، وَمَشْرُبُهُ حَرَامٌ، وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ، وَغُذِّي بِالْحَرَامِ،
فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لَهُ؟"

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah Ta'ala Maha Baik dan hanya menerima yang baik. Sesungguhnya Allah telah memerintahkan orang-orang yang beriman untuk (melakukan) perintah yang disampaikan kepada para nabi. Kemudian beliau membaca firman Allah, 'Wahai rasul-rasul, makanlah dari makanan yang baik-baik dan kerjakanlah amalan yang soleh.' Dan firman-Nya, 'Wahai orang-orang yang beriman, makanlah dari makanan yang baik baik yang telah Kami anugerahkan kepadamu. 'Kemudian beliau menceritakan seorang lelaki yang melakukan perjalanan jauh (lama), tubuhnya diliputi debu lagi kusut, dia menadah tangannya ke langit dan berdoa, 'Ya Rabbku, ya Rabbku'. Akan tetapi makanannya haram, minumannya haram, dan ia diberi makan dengan yang haram. Maka bagaimana mungkin doanya dikabulkan?*

Harta merupakan salah satu amanah daripada Allah SWT ke atas hamba-Nya. Umat Islam khususnya diberikan tanggungjawab untuk menguruskan harta tersebut dengan bijaksana dan sesuai dengan syariat Islam. Hal ini seiring dengan salah satu daripada maqasid syariah iaitu *hifz al-mal* iaitu penjagaan harta. Umat Islam juga diwajibkan untuk mencari dan memiliki harta mengikut nilai-nilai yang ditetapkan oleh Al-Quran dan As-Sunnah disebabkan ianya akan disoal semula di akhirat kelak. Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Tidak akan terlepas dua kaki anak Adam pada hari akhirat di hadapan Allah SWT, kecuali setelah ditanya lima perkara: Tentang umurnya di mana ia habiskannya, tentang masa mudanya dan di mana digunakan, tentang hartanya dari mana datangnya dan ke mana dibelanjakannya, dan apakah yang dilakukan dengan ilmunya" (Riwayat At-Tirmidzi, no. 2416).

Hadis di atas jelas sekali menunjukkan kewajipan ke atas setiap muslim untuk berusaha mencari dan menggunakan harta dengan cara yang betul. Namun, terdapat juga harta tidak patuh syariah yang wujud dalam kehidupan seharian yang mana harta tidak patuh syariah ini terhasil daripada cara dan jalan yang batil yang bertentangan dengan syariat Islam. Selain dikenali dengan harta tidak patuh syariah, ianya juga boleh ditakrifkan sebagai harta syubhah menurut sebahagian pendapat contohnya seperti Manual Pengurusan Harta Syubhah yang disediakan oleh pihak Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR, 2015) mentakrifkan harta tidak patuh syariah bermaksud:

"Sebarang bentuk pendapatan atau perolehan hasil daripada perbuatan atau transaksi yang bertentangan dengan syariat Islam".

Menurut (Abdullah & Che Seman, 2018) harta tidak patuh Syariah merujuk kepada apa-apa jenis harta yang diperolehi hasil daripada transaksi yang bertentangan dengan syariat Islam seperti riba, judi dan rasuah, atau kerana percampuran antara aktiviti yang dibenarkan oleh syarak dengan yang sebaliknya. Harta yang tidak patuh Syariah juga ditakrif sebagai harta yang dimiliki dan diperolehi melalui wasilah yang tidak diiktiraf oleh Syariah seperti rompakan,

rampasan, hasil jualan barang curi, rasuah, perjudian, loteri, transaksi riba, perlindungan insurans konvensional, keuntungan bon konvensional, keuntungan pelaburan di dalam sekuriti tidak patuh Syariah, dan seumpamanya (Mohamad Zarifi Mohamad Daud, 2009).

Kini, harta tidak patuh syariah di Malaysia merupakan isu yang mendalam dan memerlukan perhatian serius daripada pelbagai pihak terutama apabila majoriti daripada rakyat Malaysia terdiri daripada umat Islam. Jadual 1 di bawah menunjukkan hasil penerimaan dan peratusan peningkatan Institusi Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi kategori wang tidak patuh syariah bagi tiga tahun terkini iaitu tahun 2020, 2021 dan 2022.

Jadual 1: Jumlah Hasil Penerimaan Wang Tidak Patuh Syariah, MAIS Tahun 2020-2022

Tahun	Hasil Penerimaan (RM)
2020	1,518,133.56
2021	1,569,531.10
2022	1,888,850.42
Jumlah	4,976,515.08

(sumber: www.mais.gov.my)



Rajah 1: Graf Peningkatan Hasil Penerimaan Wang Tidak Patuh Syariah, MAIS Tahun 2020-2022

Rajah 1 menunjukkan graf peningkatan hasil yang diterima oleh Institusi Baitulmal MAIS berkenaan wang tidak patuh syariah bermula 2020 sehingga 2022. Hal ini membuktikan bahawa Baitulmal MAIS sangat komited dalam menitikberatkan berkenaan pengurusan harta tidak patuh syariah ini. Selain itu, Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) sering mengemaskini dan memaparkan di Portal Rasmi berkenaan Kutipan Semasa Hasil Baitulmal yang terdiri daripada hasil fidyah, infak fisabilillah dan wang tidak patuh syariah. Sehingga 05 November 2023 jumlah wang tidak patuh syariah yang diterima oleh Institusi Baitulmal MAIK ialah sebanyak RM 1382,786.89 (Portal Rasmi MAIK, 2023). Walau bagaimanapun, masih terdapat sesetengah Negeri yang masih tidak menekankan akan hal ini contohnya apabila paparan di laman web rasmi Majlis Agama Islam Negeri masih tidak menyatakan berkenaan harta tidak patuh Syariah. Hanya sesetengah Negeri yang ke hadapan dalam menguruskan harta ini sehingga terdapat negeri yang menyediakan kaedah penyucian melalui sistem *Financial Process Exchange (FPX)*. Maka kajian ini ingin mengkaji konsep kaedah *Tasarruf Al-Imam 'Ala Al-Ra'iyah Manutun Bi Al-Maslahah* dengan Pengurusan Institusi Baitulmal dalam menguruskan harta tidak patuh Syariah. Adakah kaedah fiqh ini dijadikan panduan dalam

pengurusan dan pentadbiran Institusi Baitulmal disebabkan pemimpin atau pentadbir itu merupakan penguatkuasa dalam memastikan kemaslahatan rakyatnya terjaga.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan meneliti kaedah perpustakaan agar objektif kajian ini tercapai. Kaedah perpustakaan menerusi tindakan pembacaan tesis, jurnal, kitab-kitab fiqh yang tradisional dan juga yang kontemporari, keputusan atau fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh negeri-negeri yang terlibat, buku dan bahan bacaan lain yang bersesuaian. Kajian ini juga melayari internet bagi mendapatkan maklumat yang dicari. Kaedah ini berperanan untuk menganalisis aplikasi kaedah *tasarruf al-imam 'ala al-ra'iyah manutun bi al-maslahah* dengan Pengurusan Institusi Baitulmal dalam menguruskan harta tidak patuh syariah.

Konsep Kaedah *Tasarruf Al-Imam 'Ala Al-Ra'iyah Manutun Bi Al-Maslaha*

Kaedah *Tasarruf Al-Imam 'Ala Al-Ra'iyah Manutun Bi Al-Maslahah* merupakan satu aspek penting dalam pengurusan keadilan dan kesejahteraan masyarakat dalam Islam. *Tasarruf* adalah istilah dalam Bahasa Arab yang bermaksud pengurusan atau penggunaan. *Al-Imam* pula dalam Bahasa Arab bermaksud pemimpin atau ketua atau pihak berkuasa. *'Ala Al-Ra'iyah Manutun* dalam Bahasa Arab bermaksud berdasarkan ke atas rakyat. Dalam konteks frasa *Bi Al-Maslahah*, *Bi* bermaksud dengan atau melalui, manakala *Al-Maslahah* bermaksud kepentingan umum atau kemaslahatan. Oleh itu, dalam kaedah *Tasarruf Al-Imam 'Ala Al-Ra'iyah Manutun Bi Al-Maslahah*, ia merujuk kepada pengurusan dan tindakan pemimpin (imam) yang dilakukan dengan mempertimbangkan dan menjadikan kepentingan umum atau kemaslahatan sebagai panduan utama.

Seterusnya, kaedah ini juga menekankan peranan pemimpin (Imam) dalam mentadbir rakyatnya dengan berlandaskan kepada masalah atau kepentingan umum. Konsep ini menegaskan bahawa tindakan pemimpin terhadap rakyatnya seharusnya diatur dan ditegakkan dengan mempertimbangkan kepentingan umum yang dapat membawa kepada kesejahteraan bersama. Dalam konteks pengurusan, *tasarruf al-Imam* merujuk kepada kuasa dan tanggungjawab pemimpin untuk menguruskan urusan rakyat secara adil dan selaras dengan objektif mencapai masalah atau kepentingan bersama. Pemimpin diamanahkan untuk memastikan pelaksanaan dasar-dasar yang memberi manfaat kepada masyarakat, termasuk dalam aspek-aspek ekonomi, sosial, dan politik. Pelaksanaan tindakan oleh pemimpin terhadap bawahannya, baik disukai atau tidak, tergantung pada keberadaan manfaat dan kemaslahatan yang terkandung dalam tindakan tersebut, baik dalam konteks agama mahupun dunia.

Pengamalan kaedah *tasarruf al-Imam* menuntut kepemimpinan yang bijaksana, keadilan, dan ketelusan kepada kesejahteraan rakyat. Hal ini adalah asas bagi pembentukan sebuah masyarakat yang berteraskan nilai-nilai Islam, di mana pemimpin bertindak sebagai *amilin 'ala al-ra'iyah* (pengurus yang bertanggungjawab) dan berusaha mencapai masalah yang sebesar-besarnya bagi masyarakat. Kajian terhadap konsep kaedah *tasarruf al-Imam* ini membuka ruang untuk merenung peranan dan tanggungjawab pemimpin dalam mencapai keadilan dan kesejahteraan masyarakat dalam kerangka nilai-nilai syariah. Dengan mendalaminya, kita dapat memahami prinsip-prinsip utama yang mendorong pengurusan yang adil dan memberi manfaat kepada umat, seiring dengan aspirasi terciptanya masyarakat madani yang bertautan erat dengan ajaran Islam.

Penerapan kaedah ini dalam seorang pemimpin atau imam, termasuk dalam pengurusan harta, membawa maksud bahawa setiap tindakan atau keputusan yang diambil haruslah berasaskan kepada kemaslahatan dan kepentingan umum. Hal ini mencakupi aspek-aspek seperti keadilan, kebajikan, dan kesejahteraan rakyat. Namun, jika tidak terdapat manfaat yang jelas, maka tindakan tersebut harus ditolak. Hal ini disebabkan oleh ketidakpastian pemimpin dalam memutuskan antara kerugian dan perbuatan yang tidak bermanfaat, di mana keduanya tidak memiliki nilai dalam pandangan mereka. Dengan demikian, prinsip ini menekankan bahawa tindakan pemimpin terhadap bawahannya harus selalu dipertimbangkan berdasarkan prinsip kemaslahatan dan manfaat yang dihasilkan. Jika tindakan tersebut membawa manfaat yang nyata, maka itu harus dilaksanakan, tetapi jika tidak, maka tindakan tersebut harus ditolak. Makanya kajian ini ingin menekankan bahawa setiap pemimpin hendaklah memastikan segala dasar dan tindakan yang dibuat adalah seiring dengan masalah atau kepentingan rakyat.

Aplikasi Kaedah *Tasarruf Al-Imam 'Ala Al-Ra'iyah Manutun Bi Al-Maslahah* Dengan Institusi Baitulmal Dalam Pengurusan Harta Tidak Patuh Syariah

Institusi Baitulmal merupakan sebuah institusi yang sangat penting dalam memainkan peranannya untuk meningkatkan kegiatan pembangunan negara dari segi pendidikan, infrastruktur dan ekonomi. Institusi Baitulmal memainkan peranan yang penting dalam konteks menguruskan harta yang tidak patuh syariah di Malaysia. Bukan hanya terhad daripada hasil nazar, sedekah, harta pusaka dan hibah sahaja (Nurul Syahidah Roslan, 2021). Institusi Baitulmal merupakan lembaga kewangan Islam yang memiliki tanggungjawab dalam pengumpulan, pengurusan, dan pengagihan harta umat Islam untuk kepentingan masyarakat secara umum. Peranan Institusi Baitulmal dapat membantu masyarakat yang ingin mensucikan harta tidak patuh syariah disamping mengagihkan harta tersebut ke jalan yang dibenarkan syarak. Melalui peranan ini, Institusi Baitulmal dapat memastikan bahawa harta yang diurus dapat diagihkan terus kepada kebaikan masyarakat.

Di Malaysia, pengurusan Institusi Baitulmal diletakkan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaras dengan Perkara 93(3) Perlembagaan Persekutuan (1963) yang mengatakan bahawa apa-apa hasil agama Islam dan seumpamanya perlu di bayar ke suatu kumpulan wang yang berasingan dan tidaklah boleh dibayar daripadanya kecuali di bawah kuasa undang-undang Negeri atau undang-undang persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan. Menurut Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan 1993) menyatakan mengenai penubuhan baitulmal manakala Perkara (2) pula mengatakan pengurusan harta baitulmal seperti berikut:

- (1) *“Suatu Kumpulan Wang yang dikenali sebagai Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan. Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut hukum syarak atau di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah yang di buat di bawahnya terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Kumpulan Wang”.*
- (2) *“Semua wang dan harta dalam Kumpulan Wang hendaklah terletak hak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut kaedah-kaedah yang di buat di bawah akta ini. Dengan syarat bahawa mana-mana pelaburan aset dan kumpulan-kumpulan wang yang terletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan atau dilupuskan, dan hasil-hasil daripadanya boleh dilaburkan dari semasa ke semasa dalam mana-mana pelaburan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa bagi pelaburan wang amanah”*

Perkara (1) menerangkan mengenai kumpulan wang baitulmal yang terdiri daripada harta alih dan harta tak alih yang menurut syarak. Hal ini telah dibahaskan secara terperinci dalam kajian lepas berkenaan satu-satu hasil baitulmal (Nurul Syahidah Roslan, 2021).

Selain daripada itu, berdasarkan kepada fatwa-fatwa yang telah diwartakan di Malaysia, Institusi Baitulmal merupakan badan yang bertanggungjawab dalam menguruskan harta tidak patuh Syariah seterusnya mengagihkan harta tersebut kepada sesiapa yang memerlukan. Begitu juga dengan penubuhan baitulmal serta peranannya. Menurut peruntukan Enakmen-enakmen negeri kebanyakannya menyatakan bahawa Institusi Baitulmal adalah berfungsi sebagai kumpulan wang (Abdullah & Che Seman, 2018). Walau bagaimanapun, hasil perolehan berkenaan harta tidak patuh syariah tidak dihuraikan secara terperinci sehingga menyebabkan terdapat sesetengah Institusi Baitulmal yang tidak memainkan peranannya dalam menguruskan harta tidak patuh syariah ini.

Dalam memastikan kecekapan dan keberkesanan pengurusan harta tidak patuh syariah, Institusi Baitulmal hendaklah melantik anggota kerja yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan perakaunan, pengurusan, Syariah, muamalat dan ekonomi. Hal ini disebabkan hasil keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ke-87, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam pada 23-25 Jun 2009, iaitu:


“Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa di dalam Islam harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:

1. **Diserahkan kepada Baitulmal** untuk masalah-masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya;
2. Diserahkan kepada golongan fakir miskin; atau
3. Jika harta tersebut merupakan harta rompakan, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut **hendaklah diserahkan kepada Baitulmal**”.

Jelas sekali bahawa harta tersebut telah dipertanggungjawabkan ke atas Institusi Baitulmal untuk menguruskannya. Harta tidak patuh syariah yang diterima oleh Institusi Baitulmal perlu diuruskan dengan jalan yang betul berdasarkan pendapat ulama-ulama mazhab Syafie. Hal ini kerana kekuatan dalilnya dan selari dengan perundangan Syariah. Maka, kajian ini mencadangkan kaedah pengurusan harta tidak patuh Syariah yang terdiri daripada proses penerimaan dan pengagihan harta tersebut. Justeru itu, antara perkara yang boleh dilaksanakan oleh Institusi Baitulmal dalam menguruskan harta tidak patuh syariah adalah seperti:

1. Dibelanjakan harta tidak patuh syariah ini kepada kepentingan umum orang Islam, yang mana semua orang Islam akan mendapat manfaat daripadanya seperti pembinaan hospital, sekolah dan jambatan.
2. Disalurkan bantuan kepada fakir dan miskin seperti yang dinyatakan oleh Imam al Nawawi dalam kitabnya, *al Majmu' Syarh al Muhazzab*.

Berdasarkan hujah dan dalil yang dikemukakan oleh kumpulan jumbuh ulama maka Institusi Baitulmal diwajibkan untuk menguruskan dan membelanjakan harta tidak patuh syariah ini untuk kepentingan awam serta tidak harus untuk membiarkannya begitu sahaja atau merosakannya, bahkan hendaklah disalurkan dan diuruskan dengan perbelanjaan yang mematuhi kehendak hukum syarak.



Rajah 1: Proses Penerimaan dan Pengagihan Harta Tidak Patuh Syariah

Berdasarkan Rajah 1 di atas, masyarakat khususnya umat Islam yang ingin mensucikan harta tidak patuh Syariah wajib menyalurkan harta tersebut kepada Institusi Baitulmal untuk diuruskan mengikut prinsip Syariah. Harta tidak patuh syariah tersebut merupakan wang haram yang tidak boleh digunakan oleh umat Islam ke atas dirinya dan ke atas orang lain tanpa melalui Institusi Baitulmal. Setelah harta tidak patuh syariah tersebut diterima oleh Institusi Baitulmal, harta atau wang tersebut akan bertukar menjadi suci dan halal untuk diguna, dibelanja atau diagihkan kepada pemohon oleh Institusi Baitulmal selagi mana ianya untuk masalah ammah sama ada merangkumi masalah yang diperakui oleh syarak atau *masalah mursalah*. Oleh itu, kajian mencadangkan beberapa cara pengagihan yang boleh dipraktikkan oleh Institusi Baitulmal mengikut pandangan alim ulama. Antara seperti Rajah 2 dibawah:



Rajah 2: Kaedah Agihan Harta Tidak Patuh Syariah oleh Institusi Baitulmal

Berdasarkan Rajah 2 di atas, Institusi Baitulmal boleh mengurus serta mengagihkan harta tidak patuh Syariah yang diterima untuk digunakan kemaslahatan awam seperti penyediaan infrastruktur seperti pembinaan dan penyelenggaraan jalan, jambatan, tandas, pondok bas, saluran air, wakaf dan yang seumpama dengannya. Pembinaan infrastruktur ini juga turut diharuskan untuk dimanfaatkan oleh orang bukan Islam kerana ia termasuk dalam *masalah 'ammah*. Selain itu, boleh diserahkan kepada golongan fakir miskin. Pembinaan prasarana kemasyarakatan seperti tandas awam, rumah anak-anak yatim, pusat penjagaan warga emas, pusat pemulihan dadah dan sebagainya. Boleh juga membina institusi pendidikan seperti sekolah, pusat pengajian tinggi, pusat pemulihan remaja dan sebagainya. Institusi Baitulmal juga boleh mengagihkan dana tidak patuh syariah kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berorientasikan khidmat masyarakat dan aktiviti kebajikan. Tambahan lagi, harta tidak patuh syariah juga digunakan untuk tujuan pengurusan dan penyelenggaraan kubur umat Islam atas dasar *masalah 'ammah* seperti mana yang dinyatakan oleh para fuqaha silam seperti Imam al Nawawi daripada Mazhab Syafie dan Ibn Abidin daripada Mazhab Hanafi.

Menurut kajian Qurrotul Aini Mohd Syahroni et. al, (2015) telah mencadangkan satu model kerangka penyucian aliran dana tidak patuh syariah agar dapat diaplikasikan oleh Institusi Baitulmal Selangor. Di Malaysia, badan-badan berautoriti seperti Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam, Majlis Penasihat Syariah serta Jawatankuasa Syariah di peringkat Institusi Kewangan Islam dan badan-badan berautoriti yang lain juga mempunyai kaedah dan pandangan yang berbeza dalam hal mengurus dan mengagihkan harta tidak patuh Syariah. Walau bagaimanapun, perbezaan tersebut tidak begitu ketara antara satu sama lain dan pihak-pihak yang terlibat boleh mengambil mana-mana pandangan mengikut kesesuaian (Abdullah & Che Seman, 2018). Selagi mana pengurusan tersebut selari dengan syarak dan mendapat bokerkatan daripada Allah Taala (Hamidi Abdul Ghani & Yaacob, 2021).

Kesimpulan

Kaedah *Tasarruf Al-Imam 'Ala Al-Ra'iyah Manutun Bi Al-Maslahah* ini penting dalam mengukuhkan lagi peranan Institusi Baitulmal dalam mengurus, mentadbir serta menggunakan harta tidak patuh syariah ini dengan bijak dan selaras dengan ketetapan hukum syarak serta dapat memberikan kebaikan untuk umat Islam khususnya dan masyarakat awam amnya. Hal ini disebabkan harta tidak patuh syariah perlu diurus dan digunakan dengan cara yang dibenarkan syarak disebabkan ianya dikategorikan sebagai hak milik masalah umum dan ianya perlu diguna dan diagihkan untuk kegunaan masyarakat awam bukan hanya terhad kepada golongan tertentu sahaja. Majoriti ulama telah bersepakat mengenai perkara ini termasuklah institusi fatwa dan ulam kontemporari. Harta atau wang tidak patuh syariah ini dibenarkan oleh Majlis Fiqh Antarabangsa OIC, Majlis Fatwa Eropah, Majlis fatwa Kebangsaan Malaysia dan Majma' Buhuth Mesir digunakan bagi tujuan *masalah ammah* iaitu dengan mengagihkan kepada faqir, miskin atau digunakan untuk masalah umum seperti pembinaan sekolah, infrastruktur awam, pembersihan kubur dan sebagainya. Makanya, diharapkan agar semua Institusi Baitulmal akan lebih memberi perhatian berkenaan harta tidak patuh syariah ini.

Rujukan

- Abdullah, M. F., & Che Seman, A. (2018). Pengurusan Pendapatan Tidak Patuh Syariah di Bank Muamalat Malaysia Berhad. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 15(2), 93–114. <https://doi.org/10.33102/jmifr.v15i2.180>
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2017). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (Fourth Edi). Los Angeles: Sage Publication.
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang 1991 (EPUIP 1991)
www.muip.gov.my
- Ghazali, A. (n.d.). *Ihya' Ulumuddin jilid 2*. Dar al Ma'rifah.
- Hamidi Abdul Ghani, & Yaacob, N. (2021). *Kepentingan Patuh Syariah dalam Keperluan Pengurusan Kewangan*. 2(2), 1–18.
- (JAWHAR), Jabatan Wakaf, Z. dan H. (2015). *Manual Pengurusan Harta Syubhah* (2nd ed.). Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, JPM.
- Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Laman Web Majlis Agama Islam Negeri Johor https://www.maij.gov.my/?page_id=1496
- Laman Web Majlis Agama Islam Selangor <https://mais.gov.my/wang-tak-patuh-syariah/>
- Laman Web Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang
www.muip.gov.my/v4/baitulmal/
- Laman Web Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
<https://ebaitulmal.maiwp.gov.my/web/wang-tak-patuh-syariah/>
- Laman Web Malaysia <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/27678?language=my>
- Mohamad Zarifi Mohamad Daud. (2009). Hukum Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah ke Baitulmal, *Jurnal Muamalat*, 117-131.
- Nurul Syahidah Roslan, M. S. M. R. (2021). Pelaburan Sumber Am Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan General Resources Investments in Baitulmal Majlis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 245–265.
- Perlembagaan Persekutuan.
- Portal Rasmi Majlis Agama Islam Kedah
<https://maik.kedah.gov.my/index.php/baitulmal/#:~:text=Wang%20atau%20harta%20yang%20tidak,%20pelaburan%20haram%20dan%20seumpamanya.>
- Qurrotul Aini Mohd Syahroni et. al, (2015). Cadangan Model Pengimbang Jaminan Sosial Asnaf Melalui Dana Tidak Patuh Syariah: Kajian Baitulmal Selangor. *E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015*, 6-13.
- Rujuk Fatwa Wilayah: <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4205-al-kafi-1617-status-barangan-yang-dibeli-dengan-pinjaman-bank>
- Rujuk Fatwa Perak: <http://mufti.perak.gov.my/artikel-minda-mufti/127-minda-mufti/670-hukum-cara-membelanjakan-wang-faedah-bank>
- Rujuk Fatwa Islamweb: <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/385828/> التعامل مع البنوك الربوية في المعاملات المباحة وتطبيق قاعدة: إن الحرام لا يحرم الحلال
- Rujuk Fatwa Islamqa: <https://islamqa.info/ar/answers/181/> التعامل مع البنوك الربوية
- Rujuk Fatwa Jordan: <https://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=3551#>
- Rujuk Fatwa Jakim: <http://e-muamalat.islam.gov.my/en/bahan-ilmiah/kertas-persidangan/215-operasi-perdagangan-pertukaran-matawang-asing-oleh-individu-secara-lani-individual-spot-forex-melalui-platform-elektronik-satu-sorotan-dari-sudut-syariah>
- Rujuk Fatwa Jakim: <http://e-muamalat.islam.gov.my/en/artikel/bahan-ilmiah/kertas-persidangan/215-operasi-perdagangan-pertukaran-matawang-asing-oleh-individu-secara-lani-individual-spot-forex-melalui-platform-elektronik-satu-sorotan-dari-sudut-syariah>
- Rujuk Fatwa Kebangsaan: <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/12273>

Rujuk Fatwa Perlis: <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/119-hukum-forex-trading-online>